

05 OCT 1996

Mahathir-Suharto

PERBINCANGAN MAHATHIR-SUHARTO MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membayangkan hari ini bahawa beliau tidak akan membangkitkan isu pertikaian wilayah kepulauan Sipadan dan Ligitan semasa perbincangan dengan Presiden Indonesia Suharto yang tiba di sini esok untuk lawatan dua hari.

"Perkara itu kita sudah putuskan dahulu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan ke-25 Gerakan di ibu pejabat parti di sini.

Sebaliknya kata Perdana Menteri perbincangan mereka pada Isnin akan menumpukan bagaimana kedua-dua negara boleh mempereratkan hubungan termasuk dari segi ekonomi dan pendirian mereka dalam Asean serta forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec)

Laporan dari Jakarta memetik Ketua Angkatan Tentera Indonesia Jen Feisal Tanjung sebagai berkata bahawa Dr Mahathir dan Suharto akan membincangkan isu itu semasa lawatan Suharto ke Malaysia.

Kedua-dua pulau kecil itu yang terletak di sempadan Sabah dan timur Kalimantan dituntut bersama oleh Malaysia dan Indonesia.

Kuala Lumpur telah bercadang membawa kes itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague. Bagaimanapun Menteri Luar Indonesia Ali Alatas yang akan mengiringi Suharto semasa lawatannya ke sini dipetik sebagai berkata bahawa Jakarta akan bersetuju dengan cadangan itu hanya jika perbincangan dua hala mengenainya gagal.

Ditanya sama ada beliau akan membincangkan mengenai pekerja Indonesia di negara ini dengan Suharto, Dr Mahathir berkata: "Saya rasa kami tidak perlu membincangkannya. Perkara itu telahpun ditangani."

Dianggarkan terdapat kira-kira 1.5 juta pekerja Indonesia di Malaysia.

Mengikut laporan baru-baru ini, Indonesia sedang mengkaji kemungkinan membawa balik kira-kira 5,000 pekerja haram Indonesia yang kini ditahan di beberapa kem tahanan di Malaysia.

Kali terakhir Dr Mahathir bertemu Suharto ialah di Bogor, Indonesia selepas menghadiri sidang kemuncak Apec pada 1994 sementara lawatan terakhir Presiden Indonesia itu ke Malaysia ialah pada 1993. -- BERNAMA

ES RON